

# Dr. M persoalkan sumbangan Suffian kepada negara

UM - 3 APR 1990

ALUR SETAR 2 April — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mempersoalkan sumbangan Tun Mohamed Suffian kepada negara dan bangsa Melayu semasa beliau berada dalam perkhidmatan kerajaan.

"Apa yang saya tahu beliau hanya tahu meminta gaji tinggi dan mahu pangkat besar," ujarnya.

Perdana Menteri membangkitkan perkara ini ekoran kenyataan bekas Ketua Hakim Negara itu yang menyifatkan ahli-ahli politik negara ini sebagai berfikiran primitif.

Serentak dengan itu, Dato' Sri Dr. Mahathir mencabar Tun Suffian supaya memasuki politik dan membersihkannya "kerana beliau selama ini mengangap politik kotor."

Bercakap kepada para pemberita setibanya dari Kuala Lumpur petang ini, Perdana Menteri berkata,

kelantangan Tun Suffian jelas membuktikan Malaysia mengamalkan demokrasi tulen.

Dalam demokrasi siapa pun boleh caci siapa sahaja untuk memburukkan orang lain, katanya.

"Sayapun boleh cakap tentang keburukan Tun Suffian semasa dia dalam perkhidmatan kerajaan kalau saya mahu, tapi

buat apa"? Ujar beliau.

Sambil menyifatkan Tun Suffian sebagai seorang yang hanya pandai bercakap, Perdana Menteri sependapat dengan timbalannya, Encik Ghafar Baba supaya Tun Suffian bertanding dalam pilihanraya untuk membuktikan sama ada rakyat menerimanya.

Perdana Menteri menegaskan, kenyataan Tun Suffian yang menganggap bahawa ahli-ahli politik negara berfikiran primitif sesungguhnya adalah satu penghinaan.

"Orang macam ini nak jadi anggota pemerhati pilihanraya? Jadi orang yang mengelirukan rakyat bolehlah," ujarnya.